

Sistem perparitan dipenuhi pokok

Penduduk tak sanggup harungi banjir lagi

**NUR FARHANA
ABDUL MANAN**

DENGKIL — Tidak sanggup lagi berdepan banjir buruk, penduduk Batu 1, Jalan Air Hitam menggesa agensi berkenaan melakukan sesuatu ke atas sistem perparitan yang didakwa mereka dipenuhi pokok.

Dakwa penduduk longkang yang dipenuhi tumbuh-tumbuhan menyebabkan air tidak dapat mengalir dengan sempurna sejak 10 tahun lalu.


Setiap kali hujan lebat di kawasan Kajang, kediaman di atas tanah lot yang mempunyai kira-kira 20 buah rumah turut ditenggelami air hingga paras lutut.

Wakil penduduk, Lee Siew Kian, 31, berkata, banjir terburuk pernah dihadapinya adalah November tahun lalu.

Tragedi banjir yang melanda beberapa negeri di negara ini menyebabkan dia dan keluarga bimbang terpaksa menghadapi situasi sama berikutan kerap hujan berpanjangan kebelakangan ini.

Keadaan menjadi lebih buruk berikutan jalan utama ke kawasan berkenaan terletak lebih rendah mengakibatkan hubungan penting itu terputus setiap kali banjir.

"Penduduk yang tambak tanah rumah mereka lebih tinggi juga ber-



Siew Kian menunjukkan keadaan sistem perparitan berhampiran rumahnya yang dipenuhi tumbuh-tumbuhan.

depan masalah banjir, puncanya air tidak mengalir dengan baik di sistem perparitan.

"Saya minta agensi berkenaan bantu selesaikan masalah ini untuk supaya kami dapat tidur lena bila hujan lebat di waktu malam," katanya.

Seorang lagi penduduk, Tan Siew

Chian berkata, bencana banjir menyebabkan ia dan keluarga kerugian ribuan ringgit.

"Peralatan elektrik rosak, perabot pula terus kena buang kerana kembang terendam lama di dalam air, bila hadapi kerugian tiada pihak datang membantu," katanya.